

REKONSTRUKSI FONOLOGI VOKAL BAHASA JAKUN: SUATU ANALISIS FONOLOGI DIAKRONIK DENGAN BAHASA MELAYU PURBA

(Reconstructing the Phonology of Jakun Language Vowels: A Diachronic Phonological Analysis with Proto-Malay)

Mohamad Rozi Kasim
mrozi@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Jabatan Bahasa dan Kesusasteran Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): *

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Mohamad Rozi Kasim. (2022). Rekonstruksi fonologi vokal bahasa Jakun: Suatu analisis fonologi diakronik dengan Bahasa Melayu Purba. *Jurnal Bahasa*, 22(2), 173–204. [https://doi.org/10.37052/jb22\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jb22(2)no1)

Peroleh: <i>Received:</i>	2/7/2022	Semakan: <i>Revised</i>	9/8/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	11/8/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	31/10/2022
------------------------------	----------	----------------------------	----------	-----------------------------	-----------	--	------------

Abstrak

Kajian ini membincangkan bahasa Jakun yang dituturkan oleh masyarakat orang asli Jakun di negeri Johor. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan proses fonologi vokal bahasa Jakun dengan membandingkannya dengan proses fonologi vokal bahasa Melayu purba yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992). Perbandingan secara diakronik ini dilakukan bagi mendapatkan bentuk fonologi bahasa Jakun yang sebenar. Objektif berkenaan dicapai dengan menggunakan teori fonologi atur rumus oleh Chomsky & Halle (1968). Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dalam penghuraian data yang dipungut di lapangan. Hasil kajian ini telah menunjukkan bentuk sebenar fonologi vokal bahasa Jakun di negeri Johor. Antara penemuan baharu kajian ini adalah menolak kenyataan Carey (1976) yang menganggap bahasa Jakun kini sudah hilang sifat keasliannya dan meminjam kosa kata bahasa Melayu sahaja.

Kajian ini mendapati bahawa bahasa Jakun bukannya meminjam bahasa Melayu tetapi bahasa Jakun ini merupakan salah satu cabang daripada bahasa induk, iaitu bahasa Melayu purba. Di samping itu, salah satu penemuan baharu dalam kajian ini ialah terdapatnya vokal dalam bahasa Jakun yang menjadi sengau disebabkan proses penasalan vokal secara regresif. Fenomena ini dianggap istimewa kerana vokal pada suku kata tertutup sebelum konsonan nasal dan faringgal pada akhir kata menerima fitur nasal daripada konsonan nasal dan faringgal secara ke belakang. Kewujudan penasalan vokal secara regresif ini boleh dikatakan sebagai penemuan baharu dalam kajian kerana proses fonologi ini tidak berlaku dalam bahasa Melayu standard tetapi wujud dalam dialek lain seperti dialek Pattani Gerik. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi titik tolak kepada kajian bahasa Jakun dan bahasa orang asli di tempat lain.

Kata kunci: Orang asli Jakun, rekonstruksi fonologi, vokal, bahasa Melayu purba, bahasa peribumi, linguistik sejarah

Abstract

This study discusses the Jakun language spoken by the Jakun Orang Asli community in the state of Johor. The objective of this study is to describe the process of vowel phonology of the Jakun language by comparing it with the process of vowel phonology of the Proto-Malay language that has been reconstructed by Adelaar (1992). This diachronic comparison is done to get the true phonological form of the Jakun language. This objective was achieved by using the rule ordering theory by Chomsky and Halle (1968). Next, this study uses a descriptive qualitative method to describe the collected field data. The results of this study have shown the true form of vowel phonology of the Jakun language in the state of Johor. Among the new findings of this study is the rejection of the statement by Carey (1976), who considers that the Jakun language has now lost its original nature and borrows Malay vocabulary only. This study has also found that the Jakun language does not borrow from the Malay language, but it is one of the branches of the Malay language, namely the Proto-Malay language. In addition, one of the new findings in this study is that there are vowels in the Jakun language that became nasal due to the process of regressive vowel induction. This phenomenon is considered special because the vowels in the closed syllable before the nasal and pharyngeal consonants at the end of the word receive nasal features from the nasal and pharyngeal consonants backwards. The existence of this regressive vowel origin can be said to be a new

discovery in this study because this phonological process does not occur in standard Malay yet exists in other dialects, such as the Pattani Gerik dialect. The results of this study are expected to be a starting point for more research on the Jakun language elsewhere and on other Orang Asli languages.

Keywords: Jakun aborigines, phonological reconstruction, vowel, Proto-Malay language, native language, historical linguistics

PENDAHULUAN

Dalam hal membincangkan proses fonologi sesuatu bahasa atau dialek secara diakronik, sesuatu kajian itu perlulah mempunyai bahasa yang lebih tua daripada bahasa atau dialek semasa yang sedang dikaji. Hal ini disebabkan bahasa yang lebih tua akan menjadi bahasa asas atau struktur dalaman bagi menghuraikan proses fonologi bahasa atau dialek semasa. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Mohd Tarmizi Hasrah (2020:179) bahawa pendekatan perbandingan diakronik bagi mengenal pasti inovasi dan retensi antara bahasa semasa dengan bahasa yang lebih tua. Penggunaan bahasa yang lebih tua sebagai struktur dalaman akan memperlihatkan sifat retensi (pengekalan) dan perubahan proses fonologi yang berlaku dalam bahasa atau dialek semasa. Kajian ini membincangkan proses fonologi bagi fonem vokal yang berlaku dalam bahasa Jakun di Johor. Perbincangan proses fonologi yang berlaku dalam bahasa Jakun ini menggunakan prinsip atur rumus yang diperkenalkan oleh Chomsky dan Halle (1968). Selain itu, perbincangan ini juga akan menggunakan bahasa Melayu purba yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992) sebagai bahasa asas atau struktur dalam. Dalam konteks kajian ini, bahasa Melayu purba dijadikan sebagai struktur dalaman bagi menghuraikan proses fonologi vokal bahasa Jakun. Justifikasi bahasa Melayu purba ini dijadikan struktur dalaman bagi kajian ini adalah disebabkan bahasa Melayu Purba ini merupakan bahasa yang lebih tua daripada bahasa Jakun. Selain itu, bahasa Jakun ini juga merupakan salah satu bahasa yang berasal daripada cabang bahasa Melayu Purba seperti bahasa Melayu standard, bahasa Minangkabau, bahasa Banjar dan bahasa Jawa.

PENYATAAN MASALAH

Permasalahan yang boleh dikenal pasti dalam kajian ini ialah isu berkaitan dengan bahasa Jakun yang dianggap sebagai bahasa yang meminjam

hampir semua kosa kata bahasa Melayu. Sebagai contoh, Carey (1976) menganggap masyarakat orang asli Jakun ini telah banyak meminjam kosa kata bahasa Melayu. Isu peminjaman bahasa ini mungkin boleh diubah dengan kenyataan bahawa bahasa Jakun dan bahasa Melayu ini berkongsi cabang bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu purba (*Proto Malayic*). Hal ini boleh dibuktikan melalui rekonstruksi fonologi berasaskan bahasa Melayu purba. Apabila proses rekonstruksi fonologi ini dilakukan, kajian ini akan melihat ciri-ciri yang dikongsi bersama antara bahasa Jakun dan bahasa Melayu purba, di samping dapat melihat sifat retensi (pengekalan) atau perubahan yang berlaku dalam bahasa Jakun. Hasilnya, kajian ini bukan sahaja dapat menghuraikan fonologi bahasa Jakun, malah dapat melihat perhubungan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba.

Di samping itu, isu kelestarian bahasa atau kepupusan bahasa juga merupakan salah satu isu yang penting yang perlu diambil berat untuk melaksanakan kajian ini. Umum mengetahui bahawa bahasa peribumi atau bahasa yang dituturkan oleh orang asli ini merupakan bahasa minoriti yang berisiko tinggi untuk mengalami kepupusan. Situasi ini juga berlaku dalam bahasa Jakun yang mempunyai kemungkinan untuk pupus disebabkan dominasi bahasa Melayu standard sebagai bahasa yang paling dominan di Malaysia. Keupayaan seseorang ahli linguistik atau antropologi itu untuk mengelakkan sesuatu bahasa itu pupus adalah amat sukar kerana isu ini melibatkan kesedaran yang timbul dalam kalangan masyarakat bahasa itu sendiri untuk mengekalkan bahasa pertama mereka. Ahli linguistik atau antropologi hanya berupaya untuk membukukan data bahasa bagi bahasa-bahasa peribumi yang mempunyai kemungkinan untuk pupus. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi membukukan data bahasa Jakun yang mempunyai kemungkinan untuk pupus pada masa akan datang. Hasil kajian ini bukan sahaja dapat disimpan dan dirujuk oleh generasi akan datang, malah kajian ini juga diharapkan dapat memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat orang asli Jakun untuk mengekalkan dan menggunakan bahasa Jakun dalam kehidupan seharian mereka supaya bahasa Jakun ini tidak pupus ditelan zaman.

Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan fonologi vokal bahasa Jakun dengan fonologi vokal bahasa Melayu purba. Teori fonologi atur rumus akan digunakan untuk menghuraikan secara lebih mendalam persamaan atau perbezaan yang timbul tersebut bagi menjelaskan punca sesuatu proses fonologi itu berlaku. Penggunaan teori fonologi atur rumus ini juga sangat sesuai digunakan dalam kajian yang melibatkan perbandingan antara dua buah bahasa kerana dapat melihat perubahan

yang berlaku antara kedua-dua bahasa tersebut. Semasa menghuraikan proses fonologi vokal bahasa Jakun juga, kajian ini akan menggunakan bahasa Melayu purba sebagai bahasa asas. Hal ini disebabkan sesuatu huraian fonologi itu perlulah mempunyai bahasa asas yang sifatnya lebih lama daripada bahasa yang sedang dikaji. Hal ini sekali gus membolehkan kajian ini melihat ciri-ciri yang dikongsi bersama, pengekal (retensi) atau perubahan yang berlaku antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan data bahasa Melayu purba yang dihuraikan oleh Adelaar (1992). Data bahasa Melayu purba tersebut dibandingkan dengan data bahasa Jakun bagi menghuraikan proses fonologi vokal bahasa Jakun tersebut. Data bahasa Melayu purba ini menjadi kerangka asas atau struktur dalam bagi menghuraikan proses fonologi vokal bahasa Jakun.

SOROTAN LITERATUR

Pertama sekali, kajian ini melakukan sorotan literatur terhadap kajian yang dilakukan oleh Carey (1976) yang bertajuk *The Aboriginal Tribes of Peninsula Malaysia*. Dalam kajian tersebut, Carey (1976: 224) mengatakan bahawa orang asli Jakun kini hanya menuturkan bahasa Melayu, iaitu daripada senarai 300 patah perkataan yang dikutip di perkampungan orang asli Jakun di Sungai Endau, Johor, hanya dua patah perkataan daripada 300 patah perkataan itu berbeza dengan bahasa Melayu. Beliau juga menafikan kenyataan Williams-Hunt (1952) yang mengatakan bahawa pertuturan orang asli Jakun lebih kuno atau arkaik daripada bahasa Melayu dan Carey menyatakan bahasa Jakun hanya berbeza dengan bahasa Melayu dari sudut kekerapan hentian glotis pada akhir perkataan (Carey, 1976: 224). Carey (1976:224) mengatakan bahasa Jakun mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu dari sudut tatabahasa dan kosa kata. Tarikh atau waktu bahasa Jakun ini terpisah dan mula menggunakan bahasa Melayu tidak dapat dinyatakan oleh Carey (1976:224). Oleh itu, rekonstruksi fonologi vokal bahasa Jakun yang dilakukan dalam kajian ini cuba mengubah istilah “peminjaman bahasa” yang dinyatakan oleh Carey (1976) itu kepada kenyataan bahawa bahasa Jakun tidak meminjam kosa kata bahasa Melayu, sebaliknya bahasa Jakun

merupakan bahasa turunan daripada bahasa yang lebih tua, iaitu bahasa Melayu purba.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Maeda pada sekitar era 1960-an juga berkaitan dengan masyarakat Jakun ini. Kajian Maeda ini telah disunting oleh Baer (2001) yang bertajuk *The Orang Hulu: A Report on Malaysian Orang Asli in the 1960's*. Pertama sekali, istilah Orang Hulu yang digunakan oleh Maeda ini merupakan gelaran yang lain bagi masyarakat orang asli Jakun. Masyarakat orang asli Jakun di sekitar Sungai Endau menggelarkan diri mereka Orang Hulu yang bermaksud masyarakat yang tinggal di atas air atau sungai (Maeda, 2001:10). Gelaran yang diberikan mereka kepada diri mereka sendiri mengikut kawasan tempat tinggal mereka, seperti di Endau, Rompin, Nenasi, Selai, Bekok, Bekok, Kahang, dan Kota Tinggi (Maeda, 2001:10). Walaupun kajian Maeda ini tidak menyentuh aspek bahasa atau linguistik Orang Hulu atau Jakun, namun terdapat perkara yang menarik dari sudut contoh perkataan yang digunakan oleh Orang Hulu/Jakun yang dinyatakan oleh Maeda dalam kajiannya itu. Berdasarkan pemerhatian, hampir kebanyakan contoh perkataan yang terdapat dalam kajian Maeda itu merupakan perkataan bahasa Melayu dan hanya sedikit perkataan yang tidak dapat fahami yang berkemungkinan perkataan tersebut merupakan perkataan asal bahasa Orang Hulu atau Jakun (Boleh rujuk senarai glosari bagi bahasa Orang Hulu dalam kajian Maeda, 2001). Jika dilihat daripada contoh perkataan yang digunakan oleh Orang Hulu itu, kemungkinan mereka sudah mula menyerap bahasa Melayu ke dalam bahasa ibunda mereka. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat meneliti fenomena tersebut yang berlaku disebabkan peminjaman bahasa ataupun bahasa Jakun itu sendiri sememangnya berasal daripada bahasa Melayu purba yang menyebabkan majoriti perkataan bahasa Jakun sama seperti bahasa Melayu yang dituturkan pada masa sekarang.

Di samping itu, Asmah *et al.* (2018) telah menulis sebuah buku bertajuk "*The Orang Asli of Malaysia: A Linguistic Perspective*". Kandungan buku tersebut mengisahkan latar belakang masyarakat orang asli Jakun dari sudut etnolinguistik dan perbandingan kosa kata dasar bahasa Jakun dengan bahasa Melayu. Selain itu, buku tersebut juga menghuraikan fonologi bahasa Jakun. Asmah *et al.* (2018) menjelaskan fonologi bahasa Jakun dari sudut sistem vokal, sistem konsonan, pengguguran konsonan /r/ di akhir kata, kewujudan konsonan /h/ di awal kata dan letupan nasal. Berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati isu letupan nasal dalam bahasa Jakun yang diketengahkan oleh Asmah *et al.* (2018) merupakan isu yang perlu diteliti dengan mendalam. Letupan nasal yang dinyatakan

itu terdiri daripada fonem /pm/, /tn/ dan /kŋ/. Alasan yang diberikan oleh Asmah *et al.* (2018) tentang kewujudan ketiga-tiga fonem letupan nasal itu adalah disebabkan kedudukan titik artikulasi apabila membunyikan fonem nasal /m/, /n/ dan /ŋ/. Titik artikulasi ketiga-tiga fonem nasal itu sama dengan titik artikulasi bagi fonem plosif /p/, /t/ dan /k/. Asmah *et al.* (2018:84) memberi enam contoh perkataan yang mempunyai fonem letupan nasal, iaitu /hitapm/ (hitam), /malapm/ (malam), /tuhatn/ (tuhan), /badatn/ (badan), /pətakŋ/ (petang) dan /gunukŋ/ (gunung). Oleh itu, berdasarkan huraian fonologi yang diberikan oleh Asmah *et al.* (2018) itu, pengkaji berpendapat kajian tersebut memberikan input tambahan kepada kajian ini, dan membolehkan kajian ini melakukan penelitian yang lebih mendalam tentang fonologi bahasa Jakun.

Tambahan lagi, kajian ini juga melakukan sorotan literatur terhadap kajian yang dilakukan oleh Seidlitz (2005) yang bertajuk *A Study of Jakun Malay: Some Aspects of Its Phonology*. Kajian Seidlitz (2005) ini berfokus pada orang asli Jakun yang tinggal di negeri Pahang. Seidlitz (2005) mengatakan hasil kajiannya terhadap orang asli Jakun di Pahang telah menghasilkan beberapa dapatan, seperti (1) bahasa Jakun sebenarnya tidak lain daripada salah satu dialek Melayu; (2) dialek Melayu Jakun memperlihatkan ciri-ciri khas yang membezakannya dengan dialek Melayu lain yang dituturkan oleh golongan etnik Melayu di daerah yang sama; dan (3) walaupun tidak berapa jelas, terdapat sempadan subdialek dalam bahasa Jakun. Seidlitz (2005:102) juga mengakui bahawa kekangan data yang hanya diperoleh daripada 12 perkampungan orang asli Jakun di Pahang tidak mencukupi untuk menggambarkan secara keseluruhan fonologi dialek Melayu Jakun ini. Beliau mengatakan bahawa kajian terhadap dialek Melayu Jakun ini perlu diperluas ke negeri Johor kerana menurut informan yang beliau temui terdapat perbezaan antara bahasa Jakun Pahang dengan bahasa Jakun Johor (Seidlitz, 2005:102).

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Adelaar (1992) yang bertajuk *Proto Malayic: The Reconstruction of Its Phonology and Parts of Its Lexicon and Morphology* juga merupakan salah satu kajian yang amat penting bagi kajian ini. Kajian yang dilakukan oleh Adelaar (1992) ini berfokus pada rekonstruksi bahasa Melayu purba atau *Proto Malayic*. Adelaar (1992) melakukan rekonstruksi bahasa Melayu purba dengan membandingkan enam buah bahasa yang tergolong dalam kelompok cabang bahasa Melayu purba, iaitu bahasa Melayu standard, bahasa Minangkabau, bahasa Banjar Hulu, bahasa Serawai, bahasa Iban dan dialek Melayu Jakarta. Adelaar (1992) telah membandingkan keenam-enam bahasa tersebut dari sudut

fonologi dan morfologi. Hasil rekonstruksi yang dilakukan oleh Adelaar (1992) ini telah memberi gambaran yang jelas tentang bentuk bahasa Melayu purba. Sebagai contoh, dari sudut sistem fonem bahasa Melayu purba, Adelaar (1992:100) telah merumuskan bahawa bahasa Melayu purba mempunyai empat vokal (*a, *ə, *i, *u), dua diftong (*ay, *aw), dua separuh vokal (*y, *w), lima konsonan hentian tidak bersuara (*p, *t, *c, *k, *ʔ), empat konsonan hentian bersuara (*b, *d, *j, *g), dua konsonan likuida (*r, *l) dan dua konsonan frikatif (*s, *h). Kajian yang dilakukan oleh Adelaar (1992) ini bukan sahaja memberikan input tentang bentuk fonologi dan kosa kata bahasa Melayu purba, malah kajian Adelaar (1992) ini juga menjadi rujukan utama kajian ini dalam penghuraian fonologi vokal bahasa Jakun. Bahasa Melayu purba ini akan menjadi bahasa asas atau struktur dalam bagi menghuraikan proses fonologi bahasa Jakun tersebut. Justifikasi bahasa Melayu purba ini dijadikan struktur dalam bagi kajian ini adalah disebabkan bahasa Melayu purba ini merupakan bahasa yang lebih tua daripada bahasa Jakun. Selain itu, bahasa Jakun ini juga merupakan bahasa yang berasal daripada cabang bahasa Melayu purba seperti bahasa Melayu standard, bahasa Minangkabau, bahasa Banjar, bahasa Jawa dan banyak lagi.

Mohd Khaidir & Adi Kasman (2021) telah melakukan kajian berkaitan dengan hubungan kekerabatan antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan menggunakan kaedah leksikostatistik dan penerapan rumus glotokronologi bagi menentukan hubungan kekerabatan antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu. Kajian yang dilakukan ini lebih kepada pengujian keberkesanan kaedah leksikostatistik dan rumus glotokronologi dalam menentukan usia jarak pisah antara dua bahasa. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Mohd Khaidir & Adi Kasman (2021: 276) dalam kajian ini bahawa dapatan kajian ini penting untuk membuktikan bahawa kaedah yang diguna pakai adalah relevan untuk menghuraikan salasilah hipotetikal bahasa berdasarkan usia. Berdasarkan dapatan kajian ini, hubungan kekerabatan antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu sangat dekat, iaitu daripada 195 perkataan yang dibandingkan, sebanyak 158 kosa kata menyamai atau berkognat dengan bahasa Melayu Mohd Khaidir & Adi Kasman (2021:301). Berdasarkan kajian yang dilakukan ini dapat dilihat bahawa bukan bahasa Jakun sahaja yang berada dalam kelompok bahasa Melayu purba, malah dibuktikan juga bahawa bahasa Banjar juga termasuk dalam kelompok bahasa Melayu purba disebabkan hubungan kekerabatannya yang sangat dekat dengan bahasa Melayu

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini akan menerangkan latar belakang kawasan kajian dan kaedah kajian.

Kawasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di empat buah daerah yang terdapat di negeri Johor, iaitu di kawasan perkampungan orang asli Jakun di daerah Kluang, Mersing, Segamat dan Kota Tinggi.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan beberapa kaedah pengutipan data dan analisis data. Dalam kajian ini, terdapat dua kaedah pengumpulan maklumat dan data, iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan.

Bagi menghuraikan proses fonologi vokal bahasa Jakun, kajian ini menggunakan 1000 patah perkataan bahasa Melayu yang akan dipadankan dengan bahasa Jakun. 1000 patah perkataan bahasa Melayu standard ini diambil daripada *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) yang terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata tugas dan lain-lain. Justifikasi kajian ini memilih 1000 patah perkataan daripada *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) ini adalah untuk menghuraikan dengan lebih jelas proses fonologi yang berlaku dalam bahasa Jakun. Huraian proses fonologi memerlukan data yang mencukupi untuk mengesahkan huraian tersebut. Oleh itu, jumlah 1000 patah perkataan ini dianggap sesuai, iaitu tidak terlalu sedikit dan tidak terlalu banyak. Kaedah pemilihan 1000 patah perkataan dalam kajian ini akan mengambil semua perkataan yang tergolong dalam kata tugas (kerana jumlah perkataan kata tugas tidak terlalu banyak) dan bakinya ialah perkataan yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Selain itu, perkataan yang mempunyai banyak perkataan yang sinonim dengannya atau memiliki maksud yang sama juga akan disaring, dan kajian ini hanya akan memilih satu sahaja daripada perkataan yang sama tersebut. Seterusnya, semasa di lapangan, kajian ini akan menemu bual informan Jakun dan meminta mereka menyatakan padanan dan membunyikan 1000 patah perkataan tersebut. Sumber rakaman digunakan semasa sesi temu bual tersebut supaya sebutan informan dapat direkodkan dan didengar berulang-ulang kali. Hasil daripada 1000 patah perkataan yang disebut oleh informan itu akan

dianalisis untuk menghuraikan proses fonologi bahasa Jakun. Huraian tentang proses fonologi bahasa Jakun ini juga akan dikaitkan dengan bahasa Melayu purba kerana bahasa Jakun dianggap sebagai bahasa turunan daripada cabang bahasa Melayu purba.

KERANGKA TEORETIS

Kajian ini menghuraikan proses fonologi dalam bahasa Jakun menggunakan pendekatan atur rumus yang diperkenalkan oleh Chomsky & Halle (1968). Teori ini menggunakan fitur metrik untuk menganalisis sesuatu bahasa dan boleh direpresentasikan secara linear atau secara transformasi generatif. Sebagai contoh, rumus asas dalam proses fonologi generatif ini adalah seperti yang berikut:

$$1. A \rightarrow B / C _ _ D$$

Rumus di atas bermaksud “A” menjadi “B” antara “C” dan “D”. “A” merupakan input, manakala “B” merupakan output. Hal ini dapat kita lihat bahawa “CAD” merupakan input, manakala “CBD” merupakan output.

Bagi memahami teori atur rumus ini, terdapat beberapa notasi rumus yang perlu difahami terlebih dahulu. Yang berikut merupakan notasi rumus¹:

- Simbol kurungan mengiring (/ /) merujuk struktur dalaman (*underlying form*), iaitu bunyi sesuatu bahasa yang belum mengalami proses fonologi.
- Simbol kurungan sesiku ([]) merujuk struktur permukaan (*surface form*), iaitu bunyi ujaran sebenar selepas mengalami proses fonologi.
- Simbol (#) digunakan untuk menyatakan sempadan kata.
- Simbol (\$) digunakan untuk menyatakan sempadan suku kata.
- Simbol (+) digunakan untuk menyatakan sempadan morfem.
- Simbol (α , β) digunakan sebagai petunjuk sesuatu pemboleh ubah (*variable*), antara + dan – dalam rumus asimilasi.
- Simbol (α F) digunakan untuk meringkaskan ciri-ciri yang berkaitan yang terlibat dalam rumus asimilasi.
- Simbol kosong (\emptyset) digunakan semasa rumus pengguguran dan penyisipan.
- Garis anak panah (>) bermaksud “menjadi”².
- Garis anak panah (<) bermaksud “berasal daripada”³.

- Tanda (*) bermaksud perkataan yang dimiliki oleh bahasa purba yang telah direkonstruksi⁴.
- Garis anak panah (→) bermaksud berubah “menjadi” (perubahan sinkronik).
- Garis palang (/) merupakan garis pemisah antara input dengan output (selepas berlakunya sesuatu perubahan).
- Garis sengkang atau ruang kosong (___) menandakan tempat berlakunya sesuatu perubahan itu.

ANALISIS, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Menurut Adelaar (1992:100), bahasa Melayu purba mempunyai empat jenis vokal, iaitu *[a], *[ə], *[i] dan *[u]. Hal ini berbeza dengan bahasa Jakun yang mempunyai tambahan dua jenis vokal lagi, iaitu [e] dan [o]. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Jakun telah mengalami perubahan dan penambahan vokal berbanding dengan bahasa Melayu purba.

Vokal *a dan *ə dalam Bahasa Melayu Purba

Bahasa Melayu purba yang direkonstruksi oleh Adelaar (1992) mempunyai vokal *a dan *ə. Adelaar (1992:40–41) telah menghuraikan kewujudan vokal *a dan *ə dalam bahasa Melayu purba dari sudut kewujudan vokal *a sebelum konsonan akhir, vokal *a di suku kata akhir dan kewujudan vokal *ə sebelum konsonan akhir. Berdasarkan huraian daripada Adelaar (1992) tersebut, kajian ini menggunakan contoh perkataan yang telah dikutip di lapangan bagi melihat sama ada bahasa Jakun mengalami proses fonologi yang sama dengan bahasa Melayu purba atau terdapat perubahan.

Vokal *a Wujud Sebelum Konsonan Akhir dalam Bahasa Melayu Purba

Menurut Adelaar (1992:40), vokal *a dalam bahasa Melayu purba wujud sebelum konsonan akhir dalam sesuatu perkataan. Yang berikut merupakan rumus kewujudan vokal *a sebelum konsonan akhir dalam bahasa Melayu Purba (Adelaar, 1992:40):

$$1) \quad *a / * _ _ _ K \#$$

Rumus di atas bermaksud dalam bahasa Melayu purba, vokal *a wujud sebelum konsonan akhir dalam sesuatu perkataan seperti dalam perkataan *[anak], *[əmaʔ], *[tanah] dan *[buŋaʔ]. Bagi memperlihatkan persamaan atau perbezaan rumus antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba, lihat contoh perkataan dalam Jadual 1 terlebih dahulu.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat dua bentuk kewujudan vokal /a/ sebelum konsonan akhir. Bentuk yang pertama dapat dilihat ialah kewujudan vokal [a] sebelum konsonan akhir dalam bahasa Jakun sama seperti dalam bahasa Melayu purba. Namun begitu, semasa mengutip data di lapangan, terdapat juga masyarakat orang asli Jakun membunyikan perkataan dalam Jadual 1 di atas dengan menggantikan vokal [a] kepada vokal [o] sebelum konsonan akhir. Hal ini menyebabkan terdapat perbezaan rumus antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba sekiranya bentuk perubahan tersebut diambil kira sebagai perubahan proses fonologi yang berlaku dalam bahasa Jakun. Yang berikut merupakan rumus vokal *[a] berubah menjadi vokal [o] sebelum konsonan akhir dalam bahasa Jakun:

$$2) \quad *a \rightarrow o / \text{_____} K \#$$

Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa berdasarkan rumus asal kewujudan vokal *a sebelum konsonan akhir dalam bahasa Melayu purba, bahasa Jakun masih mengekalkan sifat retensi dengan mengekalkan rumus asal tersebut. Namun begitu, berdasarkan data yang dikutip di lapangan, terdapat masyarakat orang asli Jakun yang telah menukar bunyi tersebut dan hal ini menyebabkan bahasa Jakun telah mengalami perubahan dari sudut vokal *[a] menjadi vokal [o].

Jadual 1 Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba dengan bahasa Jakun dari sudut kewujudan vokal [a] sebelum konsonan akhir.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun		Maksud
*[anaʔ]	[anaʔ]	[anoʔ]	anak
*[əmaʔ]	[maʔ]	[moʔ]	emak
*[tanah]	[tanah]	[tanoh]	tanah
*[buŋaʔ]	[buŋaʔ]	[buŋoʔ]	bunga
*[taŋan]	[taŋan]	[taŋon]	tangan

Vokal *a di Suku Kata Akhir dalam Bahasa Melayu Purba

Menurut Adelaar (1992:41) vokal *a yang wujud di suku kata akhir dalam bahasa Melayu purba akan menjadi dua bentuk, iaitu menerima kehadiran hentian glotis [ʔ] dan tanpa kehadiran hentian glotis seperti dalam perkataan *[apa], *[mata] dan *[tuhaʔ]. Yang berikut merupakan rumus kewujudan vokal *a di suku kata akhir dalam bahasa Melayu purba (Adelaar, 1992:41):

$$3) \quad *a / * ____ \begin{pmatrix} *ʔ \\ \emptyset \end{pmatrix} \#$$

Rumus (3) di atas bermaksud dalam bahasa Melayu purba, vokal *a yang berada di suku kata akhir dalam sesuatu perkataan boleh menerima hentian glotis dan tanpa hentian glotis di sebelahnya. Situasi ini sedikit berbeza dengan bahasa Jakun kerana kebanyakan perkataan dalam bahasa Jakun yang mempunyai vokal [a] di suku kata akhir akan menerima hentian glotis. Bagi memperlihatkan perbezaan rumus antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba, lihat contoh perkataan dalam Jadual 2 terlebih dahulu.

Berdasarkan Jadual 2, perbezaan bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba adalah dari sudut kehadiran hentian glotis dalam semua perkataan bahasa Jakun yang mempunyai vokal [a] di suku kata akhir. Dalam situasi ini, bahasa Jakun mempunyai rumus berbeza sedikit dengan bahasa Melayu purba. Yang berikut merupakan rumus kehadiran hentian glotis [ʔ] apabila vokal [a] berada di suku kata akhir dalam bahasa Jakun:

$$4) \quad \emptyset \rightarrow ʔ / a ____ \#$$

Rumus (4) di atas bermaksud dalam bahasa Jakun, hentian glotis akan hadir apabila vokal [a] berada pada posisi suku kata akhir dalam sesuatu

Jadual 2 Kewujudan vokal [a] di suku kata akhir dalam bahasa Melayu purba dan bahasa Jakun.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[apa]	[apaʔ]	apa
*[mata]	[mataʔ]	mata
*[tuhaʔ]	[tuhaʔ]	tua

perkataan. Dalam isu ini, walaupun dapat dilihat bahawa bahasa Melayu purba tidak konsisten dari sudut kehadiran hentian glotis selepas vokal *a ini, namun terdapat input yang menarik di sini apabila terdapat perkataan dalam bahasa Melayu purba yang mengalami sifat retensi dalam bahasa Jakun seperti dalam perkataan *[tuhaʔ]. Perkataan tersebut digunakan sehingga kini oleh penutur bahasa Jakun. Hal ini juga berbeza dengan bahasa Melayu standard sekarang yang mengalami perubahan apabila hentian glotis sudah tidak ada dalam perkataan /tua/.

Vokal *ə Sebelum Konsonan Akhir dalam Bahasa Melayu Purba

Menurut Adelaar (1992:41), vokal *ə wujud sebelum konsonan akhir dalam bahasa Melayu purba. Yang berikut merupakan rumus kewujudan vokal *ə sebelum konsonan akhir dalam bahasa Melayu purba (Adelaar, 1992:41):

$$5) \quad *ə / * ___ K \#$$

Rumus (5) di atas bermaksud dalam bahasa Melayu purba, vokal *ə wujud sebelum konsonan akhir dalam sesuatu perkataan seperti dalam perkataan *[hitəm], *[ləməʔ], *[təbəl], dan *[dəkət]. Bagi memperlihatkan persamaan atau perbezaan rumus antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba, lihat contoh perkataan dalam Jadual 3 terlebih dahulu.

Berdasarkan Jadual 3, terdapat beberapa rumus fonologi yang boleh dilihat berlaku dalam bahasa Jakun. Kajian ini ingin menyatakan bahawa bahasa asas atau struktur dalam bagi kajian ini ialah bahasa Melayu purba. Oleh itu, sebarang perubahan proses fonologi yang berlaku adalah berdasarkan bahasa Melayu purba. Berdasarkan rumus (5) dalam bahasa Melayu purba di atas, terdapat tiga rumus yang boleh dilihat dan dikaitkan dengan contoh perkataan dalam bahasa Jakun. Yang berikut merupakan

Jadual 3 Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba dengan bahasa Jakun dari sudut kewujudan vokal [ə] sebelum konsonan akhir.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[dəkət]	[dəket]	dekat
*[hitəm]	[hitem]	hitam
*[təbəl]	[təbal]	tebal
*[ləməʔ]	[ləmoʔ]	lemak

rumus yang terhasil daripada rumus (5) yang asal dalam bahasa Melayu purba:

- 6) *ə → e / _____ K #
 7) *ə → a / _____ K #
 8) *ə → o / _____ K #

Rumus (6) di atas bermaksud dalam bahasa Jakun, vokal *[ə] bahasa Melayu purba akan berubah menjadi vokal [e] sebelum konsonan akhir dalam bahasa Jakun. Hal ini dibuktikan dengan contoh perkataan yang terdapat dalam bahasa Jakun, iaitu [dəket] dan [hitem]. Rumus (7) di atas pula bermaksud vokal *ə dalam bahasa Melayu purba akan berubah menjadi vokal [a] sebelum konsonan akhir dalam bahasa Jakun. Hal ini dapat dilihat dalam contoh perkataan yang terdapat dalam bahasa Jakun seperti [təbal] dan [ləmaʔ]. Bagi rumus (8) pula, vokal *ə akan berubah menjadi vokal [o] sebelum konsonan akhir dalam bahasa Jakun, iaitu dalam perkataan [ləmoʔ].

Berdasarkan huraian bagi rumus (6), (7) dan (8) di atas, kajian ini dapat melihat perubahan yang berlaku antara bahasa Melayu purba dengan bahasa Jakun dari sudut kewujudan vokal *ə sebelum konsonan akhir dalam sesuatu perkataan. Namun begitu, perubahan yang berlaku dalam bahasa Jakun ini tidak konsisten sehingga menghasilkan tiga bentuk perubahan.

Vokal Tinggi *i dan *u dalam Bahasa Melayu Purba

Adelaar (1992:46–47) telah menghuraikan kewujudan vokal tinggi *i dan *u dalam bahasa Melayu purba di suku kata kedua akhir (*penultimate*) dan di suku kata akhir dalam sesuatu perkataan. Berdasarkan huraian daripada Adelaar (1992) tersebut, kajian ini akan menggunakan contoh perkataan yang telah dikutip di lapangan bagi melihat sama ada bahasa Jakun mengalami proses fonologi yang sama dengan bahasa Melayu purba atau terdapat perubahan.

Kewujudan Vokal Tinggi *i di Suku Kata Kedua Akhir

Adelaar (1992:46) menggunakan istilah *penultimate* yang memberi maksud kewujudan sesuatu vokal itu pada posisi suku kata kedua akhir dalam sesuatu perkataan. Dalam konteks ini, vokal tinggi *i dalam bahasa

Melayu purba wujud pada posisi suku kata kedua akhir dalam perkataan seperti *[lihər], *[niniʔ], *[bini], *[kirim], *[čičit], *[liba], *[hidup], *[gigi] dan *[gigit]. Yang berikut merupakan rumus bagi kewujudan vokal tinggi *i di suku kata kedua akhir dalam bahasa Melayu purba (Adelaar, 1992:46):

$$9) \quad *i/K* \text{ ____ } KV(K)\#$$

Rumus (9) di atas bermaksud dalam bahasa Melayu purba, vokal tinggi *i wujud pada posisi suku kata kedua akhir dalam sesuatu perkataan. Jika dilihat rumus (9) di atas, terdapat simbol konsonan yang dikurangkan (K) pada posisi akhir. Simbol ini bermaksud kehadiran konsonan pada posisi tersebut adalah bersifat opsyenal, iaitu boleh hadir dan boleh tidak hadir bergantung pada sesuatu perkataan. Contohnya, dalam perkataan *[niniʔ], *[bini], *[gigi] dan banyak lagi. Yang berikut merupakan jadual perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba dengan bahasa Jakun dari sudut kewujudan vokal tinggi [i] pada posisi suku kata kedua akhir.

Berdasarkan Jadual 4, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Jakun yang mengekalkan rumus (9) bahasa Melayu purba dari sudut kewujudan vokal tinggi [i] di suku kata kedua akhir. Hal ini boleh dilihat dalam perkataan [niniʔ], [biniʔ], [hidup], [gigit], [gigiʔ] dan [liba]. Contoh perkataan tersebut menunjukkan sifat retensi dalam bahasa Jakun yang mengekalkan perkataan dan fonologi bahasa Melayu purba. Namun begitu, terdapat juga beberapa perkataan

Jadual 4 Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba dengan bahasa Jakun dari sudut kewujudan vokal tinggi [i] di suku kata kedua akhir.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[niniʔ]	[niniʔ]	nenek
*[bini]	[biniʔ]	bini
*[hidup]	[hidup]	hidup
*[gigit]	[gigit]	gigit
*[gigi]	[gigiʔ]	gigi
*[liba]	[liba]	lebar
*[čičit]	[čičet]	cicit
*[lihə]	[ləhi]	leher

dalam bahasa Jakun yang memperlihatkan perubahan rumus daripada rumus (9) yang asal seperti yang berlaku dalam perkataan [čečet] dan [ləhi]. Perubahan ini menghasilkan dua rumus yang baharu dalam bahasa Jakun, iaitu:

- 10) *i → e / K ___ KV(K)#
 11) *i → ə / K ___ KV(K)#

Rumus (10) dan (11) di atas bermaksud dalam bahasa Jakun, vokal *i bahasa Melayu purba akan berubah menjadi vokal [e] atau [ə] seperti dalam perkataan [čečet] dan [ləhi]. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa kebanyakan perkataan dalam bahasa Jakun masih mengekalkan ciri asal bahasa Melayu purba, iaitu vokal tinggi [i] wujud di suku kata kedua akhir. Namun begitu, masih terdapat perkataan dalam bahasa Jakun yang sudah mengalami perubahan fonologi yang menyebabkan perubahan bunyi berlaku antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba.

Kewujudan Vokal Tinggi *u di Suku Kata Kedua Akhir

Vokal tinggi *u dalam bahasa Melayu purba wujud pada posisi suku kata kedua akhir dalam perkataan seperti *[buan], *[kutu] dan banyak lagi. Yang berikut merupakan rumus bagi kewujudan vokal tinggi *u di suku kata kedua akhir dalam bahasa Melayu purba (Adelaar, 1992:46):

- 12) *u / K* ___ KV(K)#

Rumus (12) di atas bermaksud dalam bahasa Melayu purba, vokal tinggi *u wujud di posisi suku kata kedua akhir dalam sesuatu perkataan. Jika dilihat rumus (12) di atas, terdapat simbol konsonan yang dikurungkan (K) pada posisi akhir. Simbol ini bermaksud kehadiran konsonan pada posisi tersebut adalah bersifat opsyenal, iaitu boleh hadir dan boleh tidak hadir bergantung pada sesuatu perkataan. Contohnya, perkataan *[putih], *[bunuh], *[kutu] dan banyak lagi. Yang berikut merupakan jadual perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba dengan bahasa Jakun dari sudut kewujudan vokal tinggi [u] pada posisi suku kata kedua akhir. Berdasarkan Jadual 5, hampir semua perkataan dalam bahasa Jakun mempunyai vokal tinggi [u] pada posisi suku kata kedua akhir. Kebanyakan perkataan bahasa Jakun yang terdapat dalam Jadual 5 mengekalkan perkataan asal daripada bahasa Melayu Purba. Oleh itu, bahasa Jakun

Jadual 5 Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba dengan bahasa Jakun dari sudut kewujudan vokal tinggi [u] di suku kata kedua akhir.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[putih]	[putih]	putih
*[bunuh]	[bunuh]	bunuh
*[kutu]	[kutuʔ]	kutu
*[kurus]	[kurus]	kurus
*[duduʔ]	[duduʔ]	duduk
*[buruŋ]	[buruŋ]	burung

mengekalkan rumus (12) bahasa Melayu purba dari sudut kewujudan vokal tinggi [u] di suku kata kedua akhir.

Vokal Tinggi *i dan *u di Suku Kata Akhir dalam Bahasa Melayu Purba

Menurut Adelaar (1992:47), vokal tinggi *i dan *u wujud di suku kata akhir dalam bahasa Melayu purba. Yang berikut merupakan rumus kewujudan vokal tinggi *i dan *u di suku kata akhir dalam bahasa Melayu purba (Adelaar, 1992:47):

$$13) \quad \left\{ \begin{array}{l} *i \\ *u \end{array} \right\} / * _ _ (K) \#$$

Rumus (13) di atas bermaksud dalam bahasa Melayu purba, vokal *i atau *u wujud di suku kata akhir dalam sesuatu perkataan seperti dalam perkataan *[tinggi], *[habis] *[gigi], *[lagiʔ], *[bəlum], *[bunuh], *[habu], *[kutu] dan banyak lagi. Rumus (13) ini memperlihatkan kehadiran konsonan di sebelah vokal di suku kata akhir diletakkan tanda kurungan yang bersifat opsyenal, iaitu konsonan boleh hadir atau tidak hadir bergantung pada sesuatu perkataan itu. Bagi memperlihatkan persamaan atau perbezaan rumus antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba, lihat contoh perkataan dalam Jadual 6 terlebih dahulu.

Berdasarkan Jadual 6, vokal tinggi *i dan *u dalam bahasa Melayu purba wujud di suku kata akhir dalam dua bentuk, iaitu vokal tinggi *i dan

Jadual 6 Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba dengan bahasa Jakun dari sudut kewujudan vokal tinggi [i] dan [u] di suku kata akhir.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[tingi]	[tingiʔ]	tinggi
*[habis]	[habis]	habis
*[gigi]	[gigiʔ]	gigi
*[lagiʔ]	[lagiʔ]	lagi
*[kamiʔ]	[kamiʔ]	kami
*[bəlum]	[bəlum]	belum
*[bunuh]	[bunuh]	bunuh
*[habu]	[habuʔ]	habuk
*[kutu]	[kutuʔ]	kutu

*u wujud dengan menerima konsonan di sebelahnyanya dan tanpa konsonan di sebelahnyanya. Bagi bahasa Jakun pula, kewujudan vokal tinggi [i] dan [u] di suku kata akhir sedikit berbeza dengan bahasa Melayu purba kerana kedua-dua vokal tinggi yang berada di suku kata akhir mesti menerima konsonan di sebelahnyanya, tidak kira konsonan tersebut ialah hentian glotis atau konsonan yang lain. Oleh itu, dalam konteks ini, terdapat sedikit perubahan rumus daripada rumus (13). Yang berikut merupakan perubahan rumus yang berlaku dalam bahasa Jakun dari sudut kewujudan vokal tinggi [i] dan [u] di suku kata akhir:

$$14) \quad \left(\begin{array}{c} i \\ u \end{array} \right) / \text{---} K \#$$

Rumus (14) di atas berbeza dengan rumus (13) kerana kehadiran konsonan selepas vokal tinggi [i] dan [u] di suku kata akhir dalam bahasa Jakun adalah bersifat wajib. Hal ini berbeza dengan rumus (13) sebelum ini yang menyatakan bahawa kehadiran konsonan selepas vokal tinggi [i] dan [u] di suku kata akhir dalam bahasa Melayu purba adalah bersifat opsyenal, iaitu simbol konsonan dikurungkan (K) terdapat dalam rumus (13) menandakan sesuatu konsonan itu boleh hadir dan boleh tidak hadir selepas vokal tinggi *i dan *u.

Kehadiran Hentian Glotis selepas Vokal dalam bahasa Jakun

Berdasarkan Jadual 2 dan 6 dalam kajian ini, dapat dilihat bahawa bahasa Jakun mempunyai hentian glotis di akhir kata. Benjamin (1985:9) pernah mengingatkan kepada pengkaji bahasa orang asli bahawa fenomena hentian glotis di akhir kata ini perlu dipandang serius kerana hentian glotis ini berlaku dalam semua bahasa orang asli. Carey (1976:224) pula pernah menyatakan bahawa bahasa Jakun hanya berbeza dengan bahasa Melayu dari sudut kekerapan hentian glotis pada akhir perkataan. Namun begitu, kenyataan Carey (1976) itu tidak begitu tepat kerana terdapat juga perkataan dalam bahasa Jakun yang pada asalnya sudah menerima hentian glotis daripada perkataan yang berasal daripada bahasa Melayu purba. Hal ini menunjukkan sifat retensi bahasa Jakun yang mengekalkan ciri bahasa Melayu purba. Walau bagaimanapun disebabkan perubahan masa, terdapat juga perkataan dalam bahasa Melayu purba sebelum ini yang tidak menerima hentian glotis di akhir kata sudah menerima hentian glotis dalam bahasa Jakun pada masa ini. Selain itu, perlu diingat bahawa tidak semua perkataan bahasa Jakun mempunyai hentian glotis di akhir kata. Hentian glotis yang berlaku dalam bahasa Jakun ini mempunyai syarat yang tertentu dan tidak akan berlaku sekiranya tidak menepati syarat tersebut. Berdasarkan Jadual 2 dan 6 sebelum ini, dapat dilihat bahawa hentian glotis di akhir kata hanya akan wujud apabila vokal /i/, /u/, /a/, /e/, /o/ dan konsonan velar /k/ berada di akhir kata. Oleh itu, terdapat dua proses fonologi yang melibatkan hentian glotis di akhir kata dalam bahasa Jakun ini. Pertama, rumus (15), iaitu rumus penyisipan hentian glotis di akhir kata yang bermaksud semua perkataan yang berakhir dengan vokal /i/, /u/, /a/, /e/, dan /o/ akan menerima hentian glotis. Kedua, rumus (16), iaitu rumus pengglotisan yang bermaksud semua perkataan yang berakhir dengan konsonan /k/ di akhir kata akan berubah menjadi hentian glotis. Kedua-dua proses fonologi tersebut dapat dilihat dengan mudah melalui rumus yang berikut:

$$15) \quad \emptyset \rightarrow ? / \left(\begin{array}{c} i \\ u \\ a \\ e \\ o \end{array} \right) \text{---} \#$$

- 16) 1. /k/ \rightarrow \emptyset ____ #
 2. \emptyset \rightarrow ? ____ #

Urutan Vokal

Urutan vokal yang terdapat dalam bahasa Melayu purba dan bahasa Jakun telah menghasilkan tiga proses fonologi yang utama, iaitu penyisipan konsonan geluncuran, pengekaln konsonan [h] dan penyisipan hentian glotis antara urutan vokal.

Penyisipan Geluncuran dalam Bahasa Jakun

Bagi menjelaskan penyisipan konsonan geluncuran dalam urutan vokal ini, kajian ini menyenaraikan terlebih dahulu contoh perkataan yang mempunyai urutan vokal dalam bahasa Melayu purba dan bahasa Jakun. Yang berikut merupakan perkataan dalam bahasa Melayu purba dan bahasa Jakun yang mempunyai urutan vokal:

Jadual 7 Senarai perkataan bahasa Melayu purba dan bahasa Jakun yang mempunyai urutan vokal.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[siaŋ]	[siaŋ]	siang
*[lawut]	[lawut]	laut
*[buah]	[buah]	buah
*[buhaya]	[buwaya?]	buaya
*[tihaŋ]	[tiyaŋ]	tiang

Pertama sekali, Jadual 7 di atas menunjukkan bahasa Jakun mengekalkan beberapa perkataan yang berasal daripada bahasa Melayu purba. Dari sudut fonologi pula, terdapat perbezaan antara bahasa Jakun tersebut dengan bahasa Melayu purba. Oleh itu, berdasarkan Jadual 7, urutan vokal bagi perkataan yang berasal daripada bahasa Melayu purba mengalami penyisipan konsonan geluncuran dalam bahasa Jakun. Penyisipan konsonan geluncuran ini berlaku antara urutan vokal dalam

bahasa Jakun. Contohnya dalam perkataan [siyan], [lawut], [buah], [tiyan] dan banyak lagi. Rumus penyisipan konsonan geluncuran [w] dan [y] dalam bahasa Jakun ini sama seperti rumus penyisipan konsonan geluncuran bahasa Melayu standard yang dikemukakan oleh Farid (1980:51) seperti yang berikut:

$$17) \emptyset \rightarrow \left[\begin{array}{c} w \\ y \end{array} \right] / \left[\begin{array}{c} V \\ + \text{tinggi} \\ \alpha \text{ rendah} \\ \beta \text{ belakang} \end{array} \right] _ V$$

Pengekalan Konsonan [h] antara Urutan Vokal

Terdapat perkataan dalam bahasa Jakun yang mengekalkan konsonan [h] antara urutan vokal seperti dalam perkataan [tuhaʔ] yang sama dengan bahasa Melayu purba. Bahasa Jakun dikatakan mengekalkan sifat bahasa Melayu purba kerana perkataan *[tuhaʔ] jika dalam bahasa Melayu standard telah menjadi /tua/ [tuwa], iaitu digantikan dengan penyisipan konsonan geluncuran. Hal ini menunjukkan bahasa Jakun masih mengekalkan ciri-ciri bahasa purba. Rumus pengekalan konsonan [h] ini boleh dilihat seperti berikut:

$$18) *h / V _ V$$

Jika dilihat rumus pengekalan konsonan [h] di atas, dapat dilihat bahawa dalam bahasa Melayu purba dan bahasa Jakun, konsonan [h] akan hadir antara urutan vokal. Namun begitu, berdasarkan data yang telah dikutip di lapangan, hanya perkataan [tuhaʔ], [kətuhaʔ] dan [səmuhaʔ; səmuhoʔ] sahaja yang masih mempunyai konsonan [h] antara urutan vokal. Selebihnya, seperti bahasa Melayu standard, perkataan yang mempunyai urutan vokal akan mengalami penyisipan konsonan geluncuran seperti yang boleh dilihat dalam rumus (17) sebelum ini.

Penyisipan Hentian Glotis antara Urutan Vokal

Bagi membuktikan kewujudan penyisipan hentian glotis antara urutan vokal, lihat Jadual 8 terlebih dahulu.

Jadual 8 Senarai perkataan bahasa Jakun yang mengalami penyisipan hentian glotis antara urutan vokal.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[baØah]	[baʔah]	banjir
-	[peʔeh]	buang

Penyisipan hentian glotis ini berlaku antara urutan vokal. Dalam bahasa Melayu purba, penyisipan hentian glotis ini tidak dinyatakan oleh Adelaar (1992). Sebaliknya, Adelaar (1992: 98) hanya meletakkan tanda kosong [Ø] antara dua vokal yang berurutan (*intervocalic*) seperti dalam perkataan *[baØah] (banjir) dan *[laØas] (telah selesai). Dalam bahasa Jakun, penyisipan hentian glotis ini berlaku dalam perkataan /baah/ [baʔah] (banjir) dan /peeh/ [peʔeh] (buang). Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa simbol kosong [Ø] yang dinyatakan oleh Adelaar (1992: 98) dalam perkataan *[baØah] tersebut telah berubah dalam bahasa Jakun dengan berlakunya penyisipan hentian glotis. Di samping itu, penyisipan hentian glotis ini berlaku apabila terdapat urutan vokal yang sama antara suku kata pertama dan kedua, iaitu vokal /e/ + /e/ dalam perkataan /peeh/ dan vokal /a/ + /a/ dalam perkataan /baah/. Yang berikut merupakan rumus penyisipan hentian glotis antara urutan vokal dalam bahasa Jakun:

$$19) \quad \emptyset \rightarrow \text{ʔ} / V_i \text{ ____ } V_i$$

Syarat:

a) i sama i

Perendahan Vokal dalam Bahasa Jakun

Sebelum ini, kajian ini telah menyatakan bahawa bahasa Melayu purba yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992) hanya mempunyai empat jenis vokal, iaitu vokal *a, *ə, *i dan *u. Hal ini berbeza dengan bahasa Jakun yang mempunyai dua vokal tambahan, iaitu vokal [e] dan [o]. Kewujudan vokal [e] dan [o] dalam bahasa Jakun ini disebabkan oleh proses fonologi yang dinamakan sebagai perendahan vokal. Yang berikut merupakan jadual yang menunjukkan perkataan yang mengalami perendahan vokal dalam bahasa Jakun:

Berdasarkan Jadual 9, terdapat perkataan dalam bahasa Jakun yang mengalami proses perendahan vokal. Perendahan vokal ialah

Jadual 9 Senarai perkataan bahasa Jakun yang mengalami perendahan vokal.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[cicit]	[čečet]	cicit
*[səmpit]	[səmpet]	sempit
*[pindiʔ]	[pendeʔ]	pendek
*[kəcil]	[kəčeʔ]	kecil
*[buruŋ]	[buron]	burung
*[lawut]	[lawot]	laut

vokal tinggi menjadi vokal rendah. Dalam bahasa Jakun, vokal tinggi /i/ dan /u/ mengalami perendahan vokal kepada vokal yang lebih rendah kedudukannya, iaitu vokal [e] dan [o]. Situasi ini berlaku apabila vokal tinggi tersebut berada di suku kata akhir bagi suku kata tertutup. Yang berikut merupakan rumus perendahan vokal yang berlaku dalam bahasa Jakun:

$$20) \quad V \rightarrow \left(\begin{array}{l} - \text{tinggi} \\ + \text{tinggi} \end{array} \right) / \text{--- K \#}$$

Pendepanan Vokal dalam Bahasa Jakun

Pendepanan vokal bermaksud vokal yang berada di tengah lidah akan berubah menjadi vokal depan semasa ujaran. Lihat contoh perkataan yang berlaku proses pendepanan vokal ini terlebih dahulu.

Berdasarkan Jadual 10, terdapat perkataan dalam bahasa Jakun yang mengalami proses pendepanan vokal. Dalam konteks ini, vokal tengah

Jadual 10 Senarai perkataan bahasa Jakun yang berlaku perendahan vokal.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[dəkət]	[dəket]	dekat
*[ikət]	[ikat]	ikat
*[tajəm]	[tajem]	tajam
*[sədəp]	[sədap]	sedap
*[təbəl]	[təbal]	tebal

*[ə] dalam bahasa Melayu purba akan berubah menjadi vokal hadapan [e] atau [a] dalam bahasa Jakun pada posisi suku kata akhir bagi suku kata tertutup. Oleh itu, rumus bagi proses pendepanan vokal ini adalah seperti yang berikut:

$$21) \quad *ə \rightarrow \begin{pmatrix} e \\ a \end{pmatrix} / \text{___ K \#}$$

Pembelakangan Vokal

Salah satu proses fonologi yang berlaku dalam bahasa Jakun ialah pembelakangan vokal. Pembelakangan vokal ialah perubahan daripada vokal depan menjadi vokal belakang, iaitu vokal depan [a] berubah menjadi vokal belakang [o]. Lihat contoh perkataan dalam Jadual 11 terlebih dahulu bagi melihat proses pembelakangan vokal yang berlaku ini.

Jadual 11 Senarai perkataan yang berlaku penaikan vokal.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[anaʔ]	[anōʔ]	anak
*[buŋaʔ]	[buŋōʔ]	bunga
*[əmaʔ]	[mōʔ]	mak
*[panas]	[panōs]	panas
*[limaʔ]	[limōʔ]	lima

Berdasarkan Jadual 11 di atas, bahasa Jakun masih mengekalkan perkataan yang digunakan dalam bahasa Melayu purba, namun terdapat sedikit perbezaan bunyi terutamanya dari sudut pembelakangan vokal. Pembelakangan vokal yang berlaku dalam bahasa Jakun ini terjadi apabila vokal depan *a dalam bahasa Melayu purba mengalami pembelakangan vokal kepada vokal belakang [o] pada suku kata akhir bagi suku kata tertutup dalam bahasa Jakun. Oleh itu, rumus pembelakangan vokal yang berlaku dalam bahasa Jakun ini adalah seperti yang berikut:

$$22) \quad *a \rightarrow o / \text{___ K \#}$$

Penasalan Vokal

Menurut Mohd Tarmizi Hasrah (2019:201), konsep penasalan vokal merujuk gejala yang terjadi terhadap vokal tertentu yang memperlihatkannya mendapat atau menerima ciri nasal. Penasalan vokal juga berlaku dalam bahasa Jakun. Penasalan vokal bermaksud vokal menerima fitur nasal daripada jirannya. Dalam situasi ini, konsonan nasal menyebarkan fitur nasalnya kepada vokal yang berada di hadapannya dan menyebabkan vokal tersebut menjadi sengau. Lihat Jadual 12 bagi perkataan yang berlaku proses penasalan vokal.

Jadual 12 Senarai perkataan yang berlaku penasalan vokal.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[anaʔ]	[anõʔ]	anak
*[buŋaʔ]	[buŋõʔ]	bunga
*[əmaʔ]	[mõʔ]	mak
*[panas]	[panõs]	panas
*[limaʔ]	[limõʔ]	lima

Jika dilihat dalam Jadual 12, contoh perkataan dalam bahasa Jakun memperllihatkan vokal selepas konsonan nasal telah menerima fitur nasal. Proses fonologi penasalan vokal ini juga berlaku dalam bahasa Melayu standard. Oleh itu, rumus penasalan vokal dalam bahasa Melayu standard adalah sama dengan rumus penasalan vokal dalam bahasa Jakun. Yang berikut merupakan rumus penasalan vokal dalam bahasa Jakun yang sama dengan rumus penasalan vokal bahasa Melayu standard yang dinyatakan oleh Farid (1980:46):

$$23) \left[+\text{silabik} \right] \rightarrow \left[+\text{nasal} \right] / \text{K} \left[+\text{nasal} \right] \text{—}$$

Rumus di atas ditulis “+silabik” kerana menurut Farid (1980:25), semua vokal yang berada pada posisi nukleus dalam setiap suku kata merupakan “+silabik”. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa vokal yang berada pada posisi nukleus sahaja yang akan menerima fitur nasal daripada konsonan nasal yang berada di sebelahnya.

Penasalan Vokal Regresif

Salah satu ciri unik dalam bahasa Jakun ialah terdapatnya penasalan vokal secara regresif. Jika sebelum ini diterangkan vokal menjadi sengau disebabkan menerima fitur nasal daripada jirannya (konsonan nasal) secara progresif (ke hadapan), namun bahagian ini akan menjelaskan sesuatu vokal itu menjadi sengau secara regresif (ke belakang). Lihat contoh perkataan dalam bahasa Jakun yang mempunyai vokal disengaukan terlebih dahulu dalam Jadual 13.

Berdasarkan Jadual 13, dapat dilihat bahawa vokal pada suku kata akhir menjadi sengau disebabkan menerima fitur nasal daripada konsonan di hadapannya. Penyebaran fitur nasal ini boleh dibahagikan kepada dua sebab yang utama. Pertama, penasalan secara regresif ini disebabkan konsonan nasal [m], [n] dan [ŋ] yang menyebarkan fitur nasalnya kepada vokal di belakangnya yang menyebabkan vokal tersebut menjadi sengau. Dalam situasi ini semua vokal yang berada di suku kata akhir menerima fitur nasal daripada konsonan nasal di akhir kata. Lihat rumus penyebaran fitur nasal secara regresif di bawah:

$$24) V \rightarrow \left(+ \text{ sengau } \right) / \text{---} K \# \left(+ \text{ nasal } \right)$$

Kewujudan penasalan vokal secara regresif ini sama seperti yang berlaku dalam dialek Patani Gerik yang diterangkan oleh Tajul Aripin (1996).

Jadual 13 Senarai perkataan dalam bahasa Jakun yang mempunyai penasalan vokal secara regresif dan perbandingannya dengan bahasa Melayu purba.

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[cicit]	[čecēŋ]	cicit
*[səmpit]	[səmpēŋ]	sempit
*[dəkət]	[dəkēŋ]	dekat
-	[səməŋ]	sikit
*sayəŋ	[seyēŋ]	sayang
*masəm	[mesēm]	masam
-	[kelēŋ]	kecur
-	[lampēŋ]	lampin

Jadual 14 Senarai perkataan dalam bahasa Jakun yang mempunyai penasalan vokal secara regresif disebabkan konsonan faringgal [ʕ].

Bahasa Melayu Purba	Bahasa Jakun	Maksud
*[cicit]	[čečēʕ]	cicit
*[səmpit]	[səmpēʕ]	sempit
*[dəkət]	[dəkēʕ]	dekat
-	[səməʕ]	sikit

Tajul Aripin (1996:386–388) menyatakan bahawa vokal yang berada di suku kata akhir dalam suku kata tertutup dalam kata dasar akan mengalami penasalan vokal disebabkan konsonan nasal di akhir kata menyebabkan fitur nasalnya secara regresif.

Kedua, penasalan vokal secara regresif ini berlaku apabila vokal separa tinggi [e] berada di sebelah konsonan faringgal [ʕ]. Lihat Jadual 14 terlebih dahulu.

Berdasarkan contoh perkataan dalam Jadual 14, semua vokal di suku kata akhir sebelum konsonan /t/ akan berubah menjadi vokal separa tinggi [e]. Kemudian, konsonan /t/ di akhir kata berubah menjadi konsonan faringgal [ʕ]. Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa hanya apabila vokal separa tinggi [e] berada di sebelah konsonan /t/ di akhir kata, maka konsonan /t/ itu akan berubah menjadi konsonan faringgal [ʕ]. Jika vokal selain vokal [e] yang berada sebelum konsonan /t/ di akhir kata, maka konsonan /t/ tersebut akan kekal dan tidak berubah menjadi konsonan faringgal. Selain itu, perlu diingat bahawa konsonan faringgal [ʕ] juga mempunyai fitur nasal seperti dalam konsonan nasal [m], [n], [ŋ] dan [ɲ] yang boleh mempengaruhi vokal di sebelahnya. Oleh itu, berdasarkan Jadual 14, konsonan faringgal [ʕ] ini menyebabkan fitur nasalnya secara regresif yang menyebabkan vokal [ē] menjadi sengau. Bagi memperlihatkan proses ini dengan lebih jelas, lihat aturan rumus dalam rumus (25) di bawah:

- 25) 1. $V \rightarrow e / ___ t \#$
2. $t \rightarrow \text{ʕ} / e ___ \#$
3. $e \rightarrow \text{ē} / ___ \text{ʕ} \#$

KESIMPULAN

Bahagian ini telah membincangkan fonologi bahasa Jakun dengan menggunakan teori atur rumus dan bahasa Melayu purba digunakan sebagai bahasa asas atau struktur dalam. Berdasarkan huraian yang telah dibincangkan sebelum ini, dapat dilihat bahawa proses fonologi bahasa Jakun hampir sama dengan bahasa Melayu purba. Persamaan yang timbul ini disebabkan bahasa Jakun berasal daripada cabang bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu purba. Namun begitu, disebabkan perubahan masa, perbezaan proses fonologi juga berlaku antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba. Walaupun mengalami beberapa perubahan dari sudut proses fonologi, namun kajian ini dapat melihat kebanyakan perkataan dalam bahasa Jakun masih mengekalkan perkataan yang digunakan dalam bahasa Melayu purba. Hal ini menunjukkan bahasa Jakun mempunyai sifat retensi yang tinggi dalam pengekaln perkataan daripada bahasa induk.

Seterusnya, penemuan baharu dalam kajian ini ialah terdapatnya kenyataan sebelum ini yang mengatakan bahasa Jakun sudah hilang sifat keasliannya dan meminjam kosa kata bahasa Melayu sahaja adalah tidak benar. Oleh itu, kajian ini menolak dakwaan Carey (1976) dan menganggap bahasa Jakun ini bukan meminjam bahasa Melayu tetapi bahasa Jakun ini merupakan salah satu cabang daripada bahasa induk, iaitu bahasa Melayu purba. Taraf bahasa Jakun ini sama seperti bahasa Melayu standard, Minangkabau, Banjar dan banyak lagi yang berada di bawah satu bahasa yang lebih tua, iaitu bahasa Melayu purba. Buktinya, kebanyakan kosa kata bahasa Melayu purba yang direkonstruksi oleh Adelaar (1992) hampir sama dengan bahasa Jakun. Bukan itu sahaja, proses fonologi yang telah dihuraikan sebelum ini memperlihatkan banyak persamaan proses fonologi antara bahasa Melayu purba dengan bahasa Jakun. Bahasa Jakun juga mengekalkan banyak perkataan bahasa Melayu purba yang sekali gus menunjukkan bahawa bahasa Jakun ini mempunyai sifat retensi yang tinggi untuk mengekalkan bentuk bahasa purba. Tidak dinafikan, disebabkan peredaran masa, terdapat juga perubahan yang berlaku yang menyebabkan perbezaan sedikit antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba, namun perubahan ini lebih sedikit jika hendak dibandingkan dengan perubahan yang berlaku dalam bahasa Melayu standard. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa bahasa Jakun tidak meminjam kosa kata bahasa Melayu standard, sebaliknya bahasa Jakun dan bahasa Melayu standard ialah dua buah bahasa yang berada di bawah cabang bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu purba.

Di samping itu, salah satu penemuan baharu dalam kajian ini ialah terdapat vokal dalam bahasa Jakun yang menjadi sengau disebabkan proses penasalan vokal secara regresif seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Fenomena ini dianggap istimewa kerana vokal di suku kata tertutup sebelum konsonan nasal dan faringgal di akhir kata menerima fitur nasal daripada konsonan nasal dan faringgal secara ke belakang. Proses fonologi ini berbeza dengan proses penasalan vokal secara progresif kerana proses penasalan vokal secara progresif ialah konsonan menyebarkan fitur nasalnya kepada vokal yang berada di hadapannya. Selain itu, penasalan vokal secara regresif ini juga bukan disebabkan oleh konsonan nasal [m], [n], dan [ŋ] di akhir kata sahaja, malah penasalan vokal secara regresif ini juga berlaku disebabkan konsonan faringgal [ʕ] di akhir kata. Konsonan faringgal ini mempunyai fitur nasal yang dapat mempengaruhi vokal di belakangnya. Namun begitu, proses penasalan vokal secara regresif yang disebabkan oleh konsonan faringgal ini mempunyai syarat-syarat yang tertentu seperti yang telah diterangkan dalam kajian ini. Oleh itu, kewujudan penasalan vokal secara regresif ini boleh dikatakan sebagai penemuan baharu dalam kajian ini kerana proses fonologi ini tidak berlaku dalam bahasa Melayu standard tetapi wujud dalam dialek lain seperti dialek Pattani Gerik. Bahasa Melayu standard hanya mengalami penasalan vokal secara progresif (ke hadapan) sahaja.

NOTA

- ¹ Notasi rumus ini dipetik dan diubahsuai daripada Farid (1980:6–7).
- ² Simbol ini diambil daripada Adelaar (1992).
- ³ Simbol ini diambil daripada Adelaar (1992).
- ⁴ Simbol ini diambil daripada Adelaar (1992).

RUJUKAN

- Adelaar, K. Alexander. (1992). *Proto Malayic: The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology*. Pacific Linguistic, RSPAS The Australian National University.
- Amran Kasimin. 1991. *Religion and social change among the indigenous people of the Malay Peninsula*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1969). *The Iban language of Sarawak: A grammatical description*. PhD thesis. University of London.

- Asmah Haji Omar. (1988). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1988). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, et al. (2018). *The Orang Asli of Malaysia: A linguistic perspective*. University of Malaya Press.
- Benjamin, Geoffrey. (1985). On pronouncing and writing Orang Asli languages: A guide for the perplexed. *Orang Asli Studies Newsletter*. Number 4. Department of Anthropology Dartmouth College: United States.
- Benjamin, Geoffrey. (1986). On pronouncing and writing Orang Asli languages: A guide for the perplexed. *Orang Asli Studies Newsletter*. Number 5. Department of Anthropology Dartmouth College: United States.
- Bloomfield, Leonard. (1992). (Penterjemah: Alias Mahpol et al.). *Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blust, R. A. (1981). *The reconstruction of Proto-Malayo-Javanic: An appreciation*. pp. 456–469. <http://www.jstor.org/stable/27863392?origin=JSTOR-pdf>
- Blust, R. A. (1986). (Pengumpul dan Penterjemah) Collins, James. T. *Penyusunan Salasilah Bahasa di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Campbell, Lyle & Muntzel, Martha. (1989). *The structural consequences of language death*. Cambridge University Press.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsula Malaysia*. Oxford University Press.
- Castillo-Montoya, M. (2016). Preparing for interview research: The Interview protocol refinement framework. *The Qualitative Report*, 21(5), 811–831.
- Chomsky, Noam & Halle, Morris. (1968). *The sound pattern of English*. Harper & Row.
- Farid M. Onn. (1980). *Aspects of Malay phonology and morphology: A generative approach*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid M. Onn. (2014). *Saya dan fonologi bahasa melayu: mendekati tatabahasa sejagat*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Feagin, C. (2002). Chambers, J.K., et al. (Eds.), *The handbook of language variation and change*. Blackwell.
- Harimurti Kridalaksana. (1988). Masalah metodologi dalam rekonstruksi “bahasa Melayu purba”. Dlm. Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain. (Penyusun). *Rekonstruksi dan Cabang-cabang Bahasa Melayu Induk*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Aminurrashid. (1966). *Kajian sejarah perkembangan bahasa Melayu*. Pustaka Melayu.
- Hendon, S. Rufus. (1966). *The phonology and morphology of Ulu Muar Malay*. Department of Anthropology Yale University.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kenstowich, M. & Kisseberth, C. (1979). *Generative phonology*. Academic Press, Inc.
- Krauss, Michael. (1992). The world's languages in crisis. *Language*, 68 (1), University of Alaska.
- Lehmann, P. Winfred. (1992). *Historical linguistics*. Routledge.
- Logan, James Richardson. (1847). The Orang Binua of Johore. *Journal of The Indian Archipelago and Eastern Asia*, 1, 242–293.
- Maeda, Narifumi Tachimoto. (2001). A. Baer (Ed.) *The Orang Hulu: A Report on Malaysian Orang Asli in the 1960's*. Center For Orang Asli Concerns.
- Mohd Khaidir & Adi Kasman. (2021). Penentuan tingkat kekerabatan dan abad pisah antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu: Kajian linguistik sejarah dan perbandingan. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 273-304. doi:10.37052/jb21(2)no5
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2019. Penasalan vokal dalam dialek Melayu Hulu Pahang. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 199-230. doi:10.37052/jb.19(2)no2
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2020. Dialek Pasir Raja: Ciri fonologi dan pengelompokan. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 173-202. doi:10.37052/jb20(2)no1
- Noone, H. D. (1939). Notes on the Benua Jakun Language, spoken at Sungai Lenga, Ulu Muar, Johore. *Journal of the Federated Malay States Museums*, . XV, Part 4. F.M.S. Museums.
- Odden, D. (2013). *Introducing phonology*. Cambridge University Press.
- Samarin, William J. (1993). *Linguistik Lapangan: Panduan Kerja Lapangan Linguistik*. Diterjemah oleh Kamaruzaman Mahyidin dan Zahrah Abd. Ghafur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schane, S. A. (1973). *Generative phonology*. Prentice-Hall, Inc.
- Seidlitz, Eric. William. (2005). *A Study of Jakun Malay: Some aspects of its phonology* [Tesis Sarjana Persuratan tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C. (1966). *Pagan races of The Malay Peninsula, Volume One: Chapter 1-7*. Frank Cass & Co. Ltd.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C. (1966). *Pagan Races of The Malay Peninsula, Volume Two: Chapter 1-2*. Frank Cass & Co. Ltd.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C. (1966). *Pagan Races of The Malay Peninsula, Volume Two: Chapter 3*. Frank Cass & Co. Ltd.
- Tajul Aripin Kassin. (1996). Penasalan vokal dalam bahasa Melayu standard dan dialek Pattani Gerik: Satu huraian perbandingan. *Jurnal Dewan Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yunus Maris. (1980). *The Malay sound system*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi generatif: Teori dan penerapan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.